

# UTHM johan keseluruhan kayak MASUM 2010

JOHOR BAHRU 13 Julai – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul johan keseluruhan bagi kategori kayak pada Karnival Sukan Air Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2010, baru-baru ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, UTHM Paddlers memperoleh dua pingat emas daripada lima acara yang dipertandingkan untuk kategori kayak lelaki di Pusat Latihan Rowing Kebangsaan Empangan Batu, Gombak, Selangor.

Beliau berkata, bagi kategori kayak wanita pula, UTHM berjaya memperolehi satu pingat perak.

“Pasukan pendayung pula berjaya mem-

bolot kesemua pingat emas yang dipertandingkan bagi acara Egro Machine Rowing iaitu enam pingat emas, dua perak dan empat gangsa,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata, pada kejohanan MASUM fasa satu dan dua, pasukan Pencak Silat UTHM berjaya membawa pulang satu pingat emas.

“Pasukan bola sepak UTHM pula telah muncul sebagai Naib Johan bagi Zon Selatan Kejohanan Bola Sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT): Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010 dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000,” katanya.